

**MENGAJI PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP
PENGANGKUTAN LRT (TRANSIT ALIRAN RINGAN) SEBAGAI
MOD PENGANGKUTAN DI SEBERANG PERAI TENGAH**

10DLS14F1004	NORADILA BINTI ABDULLAH
10DLS14F1006	MOHAMAD SYAHMI BIN MOHAMAD ZAFIR
10DLS14F1040	MUHAMAD SAFWAN BIN SALEHAN
10DLS14F1046	ZAKIAH BINTI AZIZAN
10DLS14F1056	NURUL NATASHA BINTI AHMAD SOBRI
10DLS14F1062	PREMAVATHY A/P PALANISAMY
10JLS14F1006	KIRRAN A/L CHANDRAN

**LAPORAN INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH
DIPLOMA LOGISTIK DAN RANGKAIAN BEKALAN**

JABATAN PERDAGANGAN

POLITEKNIK SEBERANG PERAI

DISEMBER 2016

MENKAJI PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP PENGANGKUTAN LRT
(TRANSIT ALIRAN RINGAN) SEBAGAI MOD PENGANGKUTAN DI
SEBERANG PERAI TENGAH

10DLS14F1004 NORADILA BINTI ABDULLAH

10DLS14F1006 MOHAMAD SYAHMI BIN MOHAMAD ZAFIR

10DLS14F1040 MUHAMAD SAFWAN BIN SALEHAN

10DLS14F1046 ZAKIAH BINTI AZIZAN

10DLS14F1056 NURUL NATASHA BINTI AHMAD SOBRI

10DLS14F1062 PREMAVATHY A/P PALANISAMY

10JLS14F1006 KIRAN A/L CHANDRAN

LAPORAN INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH DIPLOMA LOGISTIK DAN
RANGKAIAN BEKALAN

JABATAN PERDAGANGAN
POLITEKNIK SEBERANG PERAI

2017

PENGESAHAN LAPORAN PROJEK

Laporan projek yang bertajuk “Mengkaji Persepsi Masyarakat Terhadap Pengangkutan LRT (Transit Aliran Ringan) Sebagai Mod Pengangkutan Di Seberang Perai Tengah” ini telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan penulisan projek seperti yang telah ditetapkan.

Disemak Oleh :

Nama Penyelia : Encik Abd Aziz Bin Ishak
Tandatangan Penyelia :
Tarikh :

Disahkan Oleh :

Nama Pensyarah Kursus : Encik Azli Bin Muhammad
Tandatangan Pensyarah :
Kursus :
Tarikh :

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

1. Tandatangan :

Nama : Noradila Binti Abdullah

No. Pendaftaran : 10DLS14F1004

2. Tandatangan :

Nama : Mohamad Syahmi Bin Mohamad Zafir

No. Pendaftaran : 10DLS14F1006

3. Tandatangan :

Nama : Muhamad Safwan Bin Salehan

No. Pendaftaran : 10DLS14F1040

4. Tandatangan :

Nama : Zakiah Binti Azizan

No. Pendaftaran : 10DLS14F1046

5. Tandatangan :

Nama : Nurul Natasha Binti Ahmad Sobri

No. Pendaftaran : 10DLS14F1056

6. Tandatangani :
Nama : Premavathy A/P Palanisamy
No Pendaftaran : 10DLS14F1062
7. Tandatangani :
Nama : Kirran A/L Chandran
No Pendaftaran : 10JLS14F1006

PENGHARGAAN

Bersyukur kami kehadiran Ilahi kerana dengan Limpah-Nya dan bantuan daripada beberapa pihak, kami telah menyiapkan Laporan Projek "Business Research" bagi modul "Business Research"(DPB 6043).

Pertama sekali ucapan jutaan terima kasih di ucapkan kepada penyelia kami iaitu Encik Aziz Bin Ishak kerana telah banyak membantu dan memberi sokongan serta kerjasama yang tidak terhingga dalam menjayakan penyelidikan ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Encik Azli Bin Muhammad selaku pensyarah modul yang sudi memberi tunjuk ajar dan panduan dalam menyediakan laporan ini sepanjang kami menjalankan penyelidikan ini.

Laporan penyelidikan ini secara amnya mengandungi maklumat-maklumat berkaitan dengan kajian kami yang bertajuk "Mengkaji Persepsi Masyarakat Terhadap Pengangkutan LRT (Transit Aliran Ringan) Sebagai Mod Pengangkutan Di Seberang Perai Tengah". Terdapat juga lampiran seperti borang soal selidik yang telah dijalankan bagi membantu kami untuk mencapai objektif kajian ini.

Akhir kata, terima kasih sekali lagi kepada semua pihak yang terlibat di atas sumbangan yang diberikan iaitu Pihak Politeknik seberang Perai serta semua yang turut membantu, memberi tunjuk ajar, nasihat, sokongan dan dorongan kepada kami dalam menjayakan penyelidikan ini. Tanpa tunjuk ajar daripada mereka kami mungkin tidak dapat menyiapkan laporan ini dengan sebaiknya.

Sekian, terima kasih

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan untuk “Mengkaji Persepsi Masyarakat Terhadap Pengangkutan LRT (Transit Aliran Ringan) Sebagai Mod Pengangkutan Di Seberang Perai Tengah”. Kajian ini menekankan kepada tiga objektif iaitu pengetahuan, mampan dan sosioekonomi. Perkhidmatan pengangkutan yang berasaskan rel iaitu LRT (Transit Aliran Ringan) merupakan salah satu mod pengangkutan awam yang dipilih oleh kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mencapai bandar yang mampan dan untuk menangani masalah trafik, masalah pencemaran serta darjah ketersampaian yang rendah dalam menghubungkan kawasan luar bandar dan kawasan bandar. Sebanyak 100 orang responden telah dipilih secara rawak di sekitar kawasan Seberang Perai Tengah dan kaedah tinjauan telah digunakan dengan mengedarkan boring soal selidik kepada responden yang terpilih. Setaip maklumat yang kami perolehi telah kami persembahkan melalui statistik kaedah Statistical Package for Social Science (SPSS). Akhir sekali, secara keseluruhannya keputusan dari kajian ini mampu memperolehi keputusan yang rasional dan data-data sahah diperolehi daripada responden.

ABSTRACT

This study was conducted to review public perception of the LRT (Light Rail Transit) transport as a modes transport in Seberang Perai Tengah. This study emphasizes to three objectives of knowledge, sustainable and socioeconomic. Transport services based on rail of LRT (Light Rail Transit) is one of the public transport modes selected by the state government Penang in order to achieve sustainable urban and to deal with the traffic congestion problem., pollution problems and degree of accessibility at low in the connecting the rural areas and urban areas. A total of 100 respondents were randomly selected around Seberang Perai Tengah and the survey method used are the questionnaire to selected respondents. Any information obtained, we present with statistical methods Statistical Package for Social Science (SPSS). Finally, the overall result of this study can obtain a rational decision for authentic data obtained from the respondents.

KANDUNGAN

PENGESAHAN LAPORAN PROJEK	ii.
PENAKUAN	iii.
PENGHARGAAN	v.
ABSTRAK	vi.
ABSTRACT	vii.
KANDUNGAN	viii.
SENARAI JADUAL	xi.
SENARAI RAJAH	xii.
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Latar belakang masalah	3
1.2 Pernyataan masalah	7
1.3 Objektif kajian	9
1.4 Persoalan kajian	10
1.5 Skop kajian	11
1.6 Kepentingan kajian	12
1.6.1 Kepentingan kepada Masyarakat	12
1.6.2 Kepentingan Kepada Pengangkutan Bas Rapid Penang	12
1.6.3 Kepada Pengkaji Akan Datang	12
1.7 Definisi operasional	13
1.7.1 Persepsi	13
1.7.2 Masyarakat	13
1.7.3 Transit Aliran Ringan (LRT)	13
1.7.4 Pengangkutan Bas Rapid Penang	13
1.7.5 Pengetahuan	14
1.7.6 Mampan	14
1.7.7 Sosioekonomi	14
BAB 2 SOROTAN KAJIAN	15
2.0 Pendahuluan	16
2.1 Faktor Yang Memainkan Peranan Terhadap Persepsi Masyarakat Dalam Pemilihan Pengangkutan LRT (Transit	16

Aliran Ringan) Sebagai Mod Pengangkutan Di Seberang Perai Tengah.	
2.1.1 Faktor pengetahuan	18
2.1.2 Faktor mampan	19
2.1.3 Faktor sosioekonomi	20
BAB 3 METODOLOGI	
3.0 Pendahuluan	22
3.1 Reka bentuk kajian	22
3.2 Kaedah pengumpulan data	23
3.2.1 Data Primer	23
3.2.2 Data Skunder	24
3.3 Populasi dan persampelan	24
3.4 Tatacara Kajian	25
3.5 Jadual Rasional Pembinaan Soalan Dalam Borang Soal Selidik	28
3.5.1 Bahagian B	29
BAB 4 DAPATAN KAJIAN	
4.0 Pendahuluan	36
4.1 Analisis Kebolehpercayaan Data	37
4.2 Bahagian A : Latar Belakang Responden	38
4.2.1 Taburan Responden Mengikut Jantina	38
4.2.2 Taburan Responden Mengikut Umur	40
4.2.3 Taburan Responden Mengikut Bangsa	42
4.2.4 Taburan Responden Mengikut Status	44
4.2.5 Taburan Responden Mengikut Pekerjaan	46
4.3 Analisis Faktor Yang Memainkan Peranan Terhadap Persepsi Masyarakat Dalam Pemilihan Pengangkutan Lrt (Transit Aliran Ringan) Sebagai Mod Pengangkutan Di Seberang Perai Tengah	47
4.4 Kesimpulan	57
BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN	
5.0 Pengenalan	59
5.1 Perbincangan	61
5.1.1 Perbincangan ke atas faktor pengetahuan	61
5.1.2 Perbincangan ke atas faktor mampan	64
5.1.3 Perbincangan ke atas faktor sosioekonomi	67

5.3	Cadangan	72
	5.3.1 Cadangan Kepada Pihak Majlis Negeri Pulau Pinang	71
	5.3.2 Cadangan Kepada Rapid Penang Sendirian Berhad	73
	5.3.3 Cadangan Kepada Jabatan Alam Sekitar	73
	5.3.4 Cadangan Kepada Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Pulau Pinang	74
	5.3.5 Pengkaji-pengkaji akan datang	74
	5.3.5.1 Meluaskan skop kajian	74
	5.3.5.2 Menambahkan instrument kajian	74
	5.3.5.3 Mengkaji faktor-faktor lain	75
5.4	KESIMPULAN	75

SENARAI RAJAH**SENARAI JADUAL**

No Jadual		Halaman
3.5	Latar Belakang Responden	28
3.5.1	Skala Likert	29
3.5.1.1	Borang soal selidik adalah berkaitan dengan faktor pengetahuan, kemampanan dan sosio ekonomi.	30
4.1.1	Jadual Analisis Kebolehpercayaan Data	37
4.2.1	Peratusan Jantina Responden	38
4.2.2	Peratusan Umur Responden	40
4.2.3	Peratusan Bangsa Responden	42
4.2.4	Peratusan Status Responden	44
4.2.5	Peratusan Pekerjaan Responden	46
4.3	Skor Min	49
4.3.1	Analisis Soalan Berkaitan Faktor Pengetahuan	49
4.3.2	Analisis Soalan Berkaitan Faktor Mampan	52
4.3.3	Analisis Soalan Berkaitan Faktor Sosioekonomi	54

No Rajah		Halaman
3.4	Langkah-Langkah Tatacara Kajian	26
4.2.1	Peratus taburan Responden Mengikut Jantina	39
4.2.2	Peratus Taburan Responden Mengikut Umur	41
4.2.3	Peratusan Taburan Responden Mengikut Bangsa	43
4.2.4	Peratusan Taburan Responden Mengikut Status	45
4.2.5	Peratusan Taburan Responden Mengikut Pekerjaan	47

BAB 1

PENGENALAN

1.0 PENDAHULUAN

Pengangkutan pada hakikatnya adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan pergerakan atau perpindahan seseorang atau suatu barang dari satu tempat ke tempat lain untuk memenuhi keperluan tersebut. Ia juga berfungsi sebagai media yang menghubungkan satu lokasi dengan lokasi yang berlainan. Pengangkutan boleh dibahagikan kepada pelbagai jenis, jika dikaitkan dengan mod pengangkutan atau ragam pengangkutan ia boleh dibahagikan kepada beberapa jenis iaitu pengangkutan darat, laut, udara, dan rel.

Pengangkutan darat biasanya dikaitkan dengan kenderaan yang menggunakan jalan raya sebagai laluan. Antaranya ialah kenderaan persendirian seperti kereta dan juga motosikal, pengangkutan awam seperti bas ekspres, bas henti-henti, teksi dan juga keretasewa, serta kenderaan perdagangan seperti lori, bas kilang dan juga treler. Pengangkutan laut bagi sektor perkapalan dan pengangkutan melalui jalan laut juga telah bertambah pesat. Hal ini terbukti dengan beberapa perlabuhan yang terkenal dengan kemudahan maritim bertaraf dunia serta bagi pengangkutan udara pula mempunyai kelebihan perhidmatan dari segi kelajuan dan keselesaan kepada penumpang.

Selain itu, pengangkutan rel di Malaysia pada permulaannya digunakan bagi mengangkut biji timah. Perkhidmatan ini bermula pada 1 Jun 1885 dari Taiping ke Port Weld, pada tahun 1920-an keretapi mula menggunakan diesel namun sekarang kereta api menggunakan tenaga elektrik. Pengangkutan rel terdiri daripada kenderaan berlandasan yang boleh bergerak untuk membawa penumpang seperti LRT (Transit Aliran Ringan), MRT (My Rapid Transit), Monorel, KTM Komuter, Klia Ekspres, dan Klia Transit.

Pengangkutan memainkan peranan yang penting dan sebuah strategi dalam mencapai pembangunan nasional serta merupakan prasarana untuk melancarkan perkembangan ekonomi yang mempengaruhi hampir semua aspek kehidupan. Perkembangan aktiviti manusia yang kian meningkat dan bertambah kompleks melalui pelbagai fungsi dan aktiviti seharian secara tidak langsung meningkatkan keperluan dan juga permintaan terhadap pelbagai jenis pengangkutan, dan secara tidak langsung menambah lagi bilangan pengangkutan. Oleh itu, pengurusan, strategi, dan perancangan pengangkutan perlu dipertingkatkan dalam memenuhi keperluan yang tepat. Keadaan ini dapat dilihat lebih ketara khususnya di kawasan bandar jika dibandingkan dengan kawasan luar bandar kerana pengangkutan menjadi unsur utama dalam proses pembangunan yang giat membangun dari masa ke semasa dan merupakan salah satu keperluan utama bagi masyarakat bandar khususnya bagi mereka daripada golongan masyarakat pertengahan dan kurang berkemampuan dalam menghubungkan ke tempat kerja, pusat perkhidmatan, sekolah dan institut pengajian, tempat membeli belah dan sebagainya.

Pada masa kini, terdapat banyak longgokan pengangkutan sehingga menyebabkan terdapat pelbagai isu masalah jalan raya yang sering menghantui pengguna jalan raya seperti kemalangan. Menurut The Malaysian Insurance Institute (1996), kemalangan boleh berlaku di mana-mana sahaja termasuk jalan raya. Oleh itu, dalam usaha menuju

negara maju menjelang tahun (2020), kerajaan telah berusaha menyediakan prasarana yang mencukupi untuk memastikan sistem pengangkutan berjalan dengan lancar. Sistem pengangkutan yang cuba dibangunkan ini meliputi laluan darat seperti laluan berasaskan rel iaitu LRT (Transit Aliran Ringan) adalah sistem pengangkutan awam bandar yang menggunakan peralatan pengangkutan sama dengan konsep “tram” tetapi beroperasi di tahap yang lebih tinggi dan eksklusif melalui trek yang dibina atau di bawah tanah untuk memenuhi keperluan pengangkutan masyarakat dari segi perjalanan. Prasarana LRT ini telah banyak dibangunkan di beberapa negeri yang sedang membangun dan sering berlaku masalah jalan raya seperti Kuala Lumpur. Justeru, kemudahan LRT yang digerakkan oleh tenaga elektrik telah diperkenalkan oleh kerajaan melalui sistem pengangkutan bagi memenuhi keperluan masyarakat dan mengurangkan masalah-masalah jalan raya yang sering dihadapi masyarakat.

1.2 LATAR BELAKANG MASALAH

Pelbagai jenis pengangkutan awam yang sesuai telah dipertimbangkan melalui perancangan rangkaian pengangkutan untuk Negeri Pulau Pinang bersama SRS Consortium Sdn Bhd, sistem LRT (Transit Aliran Ringan) telah dianggap sebagai mod pengangkutan yang paling sesuai untuk Pulau Pinang, koridor utara-selatan kerana ciri-cirinya yang memenuhi jangkaan penumpang 450,000 keatas berdasarkan bancian penduduk pada tahun (2007) penduduk di Seberang Perai Tengah berjumlah 369.4 orang iaitu merupakan 24.3% daripada jumlah penduduk keseluruhan Negeri Pulau Pinang sebanyak 1,518.5 orang dan dapatan yang terbaru dari Jabatan Statistik, Cawangan Penang menyatakan pada tahun 2015, Seberang Perai Tengah mempunyai penduduk seramai 430.2 iaitu 24.4% daripada jumlah penduduk negeri tersebut yang berjumlah 1,750.9 penduduk. Oleh itu, kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengorak langkah dalam meningkatkan kemudahan sistem pengangkutan awam dalam pengangkutan berasaskan

rel iaitu LRT (Transit Aliran Ringan). Seperti yang kita semua ketahui jumlah kenderaan di jalan raya sudah meningkat lebih tiga kali ganda dalam tempoh 30 tahun dan menyebabkan berlaku pelbagai masalah atau isu jalan raya yang banyak mendatangkan kesan kepada kehidupan masyarakat. Kebergantungan penduduk yang begitu tinggi kepada pengangkutan persendirian menjadi salah satu faktor penyumbang kepada masalah jalan raya iaitu masalah trafik yang lebih memburukkan keadaan sehingga menyebabkan kesesakan lalu lintas yang teruk di Seberang Perai Tengah selain daripada Kuala Lumpur yang menghadapi situasi atau masalah ini, menurut Daniel Mohamed (1993), kesesakan berlaku disebabkan oleh barisan kenderaan menjadi panjang di sepanjang perjalanan dan kenderaan tidak dapat bergerak dengan lancar disebabkan halangan tertentu.

Oleh itu, menurut Berita Harian Online yang bertajuk "Pulau Pinang Perlu LRT Segera Bagi Atasi Masalah Trafik" bertarikh 27 November 2015, hasil tinjauan kajian penyelidikan yang dijalankan oleh Institusi Pulau Pinang terhadap situasi pengangkutan menunjukkan terdapat peningkatan yang membimbangkan, dalam nisbah di antara kenderaan dan populasi di sana. Ia meningkat daripada 1.17 pada tahun 2008 kepada 1.39 pada tahun lalu dan penyelidikan ini berdasarkan kepada 1.6 juta penduduk di Pulau Pinang dan populasi ini dijangka berganda sebanyak 3.04 peratus sehingga tahun 2020.

Justeru itu, senario ini akan memburukkan lagi keadaan trafik di Seberang Perai Tengah kerana jalan raya yang sedia ada tidak lagi mampu menampung bilangan kenderaan masa kini. Menurut Bruton (1982), kesesakan lalu lintas boleh menimbulkan ketidakselesaan serta masalah emosi, marah, runsing, dan tekanan fikiran yang boleh mengganggu tumpuan pemandu di jalan raya dan menyebabkan berlaku kecuaiian sehingga menyebabkan berlakunya kemalangan dan menurut Paul Tan's Automotive News bertajuk "PDRM Rekod 6,707 Kematian Akibat Kemalangan Jalan Raya Pada

Tahun Lalu-Purata 18 Maut Sehari” pada 31 Oktober 2016 mengatakan statistik daerah yang mencatatkan angka tertinggi kematian akibat jalan raya bagi Seberang Perai Tengah sebanyak 118 kematian, manakala jumlah tertinggi bagi kemalangan jalan raya untuk Pulau Pinang adalah sebanyak 14,694 yang telah direkodkan. Selain itu, pertumbuhan industri automobil yang pesat turut menyumbang kepada kesesakan jalan raya. Oleh itu, keperluan pengangkutan awam baru, iaitu LRT (Transit Alitan Ringan) sememangnya tidak dapat dinafikan lagi.

Disamping itu, rungutan terhadap perkhidmatan pengangkutan awam yang tidak cekap seperti bas dan teksi yang sering didengari daripada orang awam yang mengatakan bahawa tumpuan perkhidmatan awam di Seberang Perai Tengah tidak menyeluruh terutamanya di kawasan di luar bandar dan ketefsambungan ke luar bandar masih tidak mencukupi. Secara umumnya, rangkaian laluan bagi pengangkutan awam seperti Bas Rapid dan teksi yang lemah bagi menghubungkan penduduk di sub-sub kejiranan adalah mendorong kepada darjah ketersampian yang rendah dari segi rangkaian laluan perkhidmatan pengangkutan di Seberang Perai Tengah. Perkhidmatan bas juga lebih cenderung untuk mengikuti jalan-jalan utama sahaja, tidak menembusi sepenuhnya ke dalam kawasan perumahan dan industri serta sering jauh dari penempatan orang ramai yang sebenar. Oleh itu, Menurut laman web UtaraNews.com yang bertajuk “Jalan Pengangkutan Awam Lemah’ pada tahun (2015), jumlah penumpang di seluruh negeri meningkat pada setiap hari daripada 79,000 ke 85,000 penumpang sejak 2013. Walaupun jumlah penumpang meningkat pada setiap hari dan operasi bas berjalan dengan jayanya, Rapid Penang masih berdepan dengan masalah dan cabaran iaitu tiada laluan khas untuk bas dan ke kawasan luar bandar. Selain itu, sistem jalan yang sempit membantutkan bas berhenti menurun dan mengambil penumpang di tepi jalan, secara tidak langsung ia menyukarkan bas untuk beroperasi. Oleh sebab itu, integrasi dengan bas yang sedia ada

adalah penting untuk kejayaan PTMP (Plan Induk Intergrasi Pengangkutan Pulau Pinang), Kerajaan Negeri sedang bekerjasama dengan operator rangkaian bas tempatan Rapid Penang untuk mengembangkan lagi liputan untuk keluar dari laluan bas pengantara, terutamanya memberi tumpuan di lokasi-lokasi stesen yang dicadangkan untuk memastikan penyambungan yang sempurna dengan semua bentuk pengangkutan awam.

Seterusnya, berkaitan aktiviti yang memerlukan penggunaan pengangkutan menyebabkan bilangan kenderaan semakin bertambah di kawasan bandar. Menurut (Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia, 2000) pada tahun 1998, bilangan kenderaan bermotor berdaftar negara ini mencatatkan sebanyak 9,141,357 berbanding bilangan penduduk negara seramai 25 juta (Jabatan Perangkaan 2003). Bilangan kenderaan persendirian sahaja mencatatkan 8,442,208 iaitu 92,35% dari keseluruhan kenderaan. Peningkatan pemilikan kenderaan ini akan meningkatkan trip perjalanan, kesesakan lalu lintas dan pengeluaran bahan cemar udara yang akan menjejaskan alam sekitar sehingga mewujudkan pencemaran seperti pencemaran udara dan bunyi yang serius seperti di kawasan bandar dan perindustrian di Seberang Perai Tengah. Menurut Kualiti Alam Sekitar Malaysia, 1998, kenderaan bermotor kekal sebagai punca utama pencemaran udara. Oleh yang demikian, pada tahun 2008, menurut (Perangkaan Imbangan Tenaga Kebangsaan (National Energy Balance) menyatakan penggunaan bahan api fosil dalam sektor pengangkutan meningkat sebanyak 35.8% diantara tahun 2000 dan 2008. Justeru, kerajaan negeri telah melakukan pelbagai langkah dalam menangani isu pencemaran udara dan bunyi termasuk strategi seperti rangkaian sistem pengangkutan LRT (Transit Aliran Ringan).

1.1 PENYATAAN MASALAH

Perhidmatan pengangkutan yang berasaskan rel iaitu LRT (Transit Aliran Ringan) merupakan salah satu mod pengangkutan awam yang dipilih oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi usaha kearah mencapai bandar yang mampan dan menangani masalah trafik di Seberang Perai Tengah disebabkan kekurangan laluan perhubungan pintu ke pintu, kekurangan infrastruktur, dan jalan raya yang sempit serta peningkatan penggunaan kenderaan sendiri dalam kalangan penduduk yang menjadi cabaran utama bagi pengguna jalan raya yang sedia ada. Menurut Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng, dalam Laporan Strategi Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP), menggambar perkembangan semasa di Negeri ini di mana kini mencapai status bandar raya bertaraf antarabangsa namun ini ia masih dikekang cabaran dalam menangani masalah kesesakan lalu lintas atau masalah trafik.

Seterusnya, masalah perhidmatan bas dengan laluan berfrekuensi rendah dalam memberi perhidmatan kepada masyarakat yang menjadi penghalang potensi negeri untuk terus berkembang dan mendorong kepada darjah ketersampian yang rendah dalam menghubungkan kawasan luar bandar dan penduduk bandar. Oleh itu, dalam kenyataan Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng, dalam Laporan Strategi Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP), beliau menyifatkan Pulau Pinang perlu segera menangani isu berkaitan pengangkutan secara holistik bagi memenuhi keperluan masa depan penduduk dan perniagaan serta untuk menyokong objektif dalam sosial ekonomi.

Seterusnya, masalah trafik yang menyebabkan masalah kesesakan lalu lintas yang sering berlaku di Seberang Perai Tengah sering kali dinyatakan sebagai masalah

utama dan dikatakan membawa kepada masalah pencemaran seperti seperti udara, dan bunyi. Menurut laman Wikipedia, pencemaran udara boleh diklasifikasi kepada dua bahagian iaitu pencemaran udara primer dan pencemaran sekunder. Pencemaran udara primer ialah penghasilan sulfur monoksida dan karbon monoksida akibat daripada pembakaran tidak lengkap. Salah satu punca pencemaran udara ialah disebabkan pelepasan gas-gas daripada kenderaan bermotor. Masyarakat moden amat bergantung kepada pengangkutan bermotor seperti, kereta, lori dan bus. Setiap pergerakan kenderaan bermotor bergerak menggunakan tenaga yang banyak, kenderaan bermotor membakar bahan api fosil untuk pergerakan yang menghasilkan asap-asap yang dapat mencemarkan udara. Adanya sistem lalu lintas dan telekomunikasi serta sistem pengangkutan yang diwujudkan di bandar menjadi punca kepada pertambahan bilangan kenderaan sekaligus mendorong kepada peningkatan pencemaran udara. Selain itu, pencemaran bunyi dikatakan sebagai bunyi bising yang keterlaluan sehingga mengganggu aktiviti masyarakat. Walaubagaimanapun, pencemaran bunyi kurang mendapat perhatian dari masyarakat, ini kerana sifat pencemaran bunyi yang tridak dapat dilihat dan kesannya kurang berbahaya berbanding pencemaran lain dan salah satu punca pencemaran ini berlaku disebabkan oleh pengangkutan dengan kesibukan kawasan bandar menyebabkan kenderaan tidak putus-putus berada di jalan raya dan akhirnya menyebabkan kesesakan lalu lintas dan terhasilnya bunyi bising seperti enjin dan hon kenderaan disebabkan berada di dalam kesesakan lalu lintas.

Menurut daripada petikan Berita Harian Online bertajuk “Kesedaran Alam Sekitar Rakyat Kita Masih Rendah” pada 5 Jun 2015, mengatakan kurang pengetahuan dan kesedaran masyarakat terhadap pencemaran yang berlaku di sekeliling yang mungkin disebabkan ketidakperhatian lantas kurangnya kefahaman hubung kait dalam sistem ekologi. Sehubungan dengan itu, pengangkutan awam merupakan nadi penting dalam

memperkasakan bandar yang bersih atau mampu mengurangkan karbon dan gas yang dikeluarkan oleh kenderaan, pengangkutan seperti LRT (Transit Aliran Ringan) sebenarnya mempunyai perkaitan yang kuat dengan pembinaan bandar lestari atau bandar hijau malah mengurangkan masalah alam sekitar iaitu pencemaran udara dan bunyi kerana ia digerakkan menggunakan tenaga elektrik. Oleh itu, kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melakukan perancangan pembinaan LRT (Transit Aliran Ringan) bagi mengatasi masalah longgokan kenderaan di jalan raya sehingga mendorong kepada salah satu punca pencemaran. Selaras dengan isu diatas pengkaji meneliti bahawa “Mengkaji Persepsi Masyarakat Terhadap Pengangkutan LRT (Transit Aliran Ringan) Sebagai Mod Pengangkutan Di Seberang Perai Tengah” perlu dirungkai permasalahannya.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini dibuat adalah bertujuan untuk Mengkaji Persepsi Masyarakat Terhadap LRT (Transit Aliran Ringan) Sebagai Mod Pengangkutan Di Seberang Perai Tengah.

Objektif kajian ini adalah:

1. Mengenalpasti sama ada faktor pengetahuan memainkan peranan terhadap persepsi masyarakat dalam pemilihan Pengangkutan LRT (Transit Aliran Ringan) sebagai mod pengangkutan di Seberang Perai Tengah.
2. Mengenalpasti sama ada faktor mampan memainkan peranan terhadap persepsi masyarakat dalam pemilihan Pengangkutan LRT (Transit Aliran Ringan) sebagai mod pengangkutan di Seberang Perai Tengah.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

1. Adakah faktor pengetahuan yang memainkan peranan terhadap persepsi masyarakat dalam pemilihan Pengangkutan LRT (Transit Aliran Ringan) sebagai mod pengangkutan di Seberang Perai Tengah.
2. Adakah faktor mampan yang memainkan peranan terhadap persepsi masyarakat dalam pemilihan Pengangkutan LRT (Transit Aliran Ringan) sebagai mod pengangkutan di Seberang Perai Tengah.
3. Adakah faktor sosioekonomi yang memainkan peranan terhadap persepsi masyarakat dalam pemilihan Pengangkutan LRT (Transit Aliran Ringan) sebagai mod pengangkutan di Seberang Perai Tengah.

1.5 SKOP KAJIAN

Di dalam kajian ini, skop kajian ini menumpukan kepada masyarakat setempat di sekitar kawasan Seberang Perai Tengah yang akan menjadi responden dalam kajian yang telah dijalankan iaitu Mengakaji Persepsi Masyarakat Terhadap LRT (Transit Aliran ringan) sebagai Mod Pengangkutan di Seberang Perai Tengah. Pemilihan kawasan ini adalah kerana dapat memudahkan pengkaji untuk mencari responden. Responden yang disasarkan adalah kepada semua golongan masyarakat iaitu kakitangan kerajaan, swasta, bekerja sendiri, dan juga pelajar. Contohnya, adalah seperti guru, pensyarah, pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi yang ada sekitar Daerah Seberang Perai Tengah seperti Politeknik Seberang Perai, UITM, Kolej Komuniti serta orang ramai yang menggunakan pengangkutan awam.

Melalui kajian ini, seramai 100 orang responden dipilih untuk menjawab soalan di dalam borang soal selidik yang telah diedarkan oleh pengkaji. Pemilihan responden adalah meliputi pelbagai jenis pekerjaan, taraf pendapatan, jantina, dan umur. Dalam kajian ini, faktor-faktor yang dikaji adalah faktor pengetahuan, faktor mampan, dan faktor sosioekonomi yang mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap LRT sebagai mod pengangkutan di Seberang Perai Tengah.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

1.6.1 Kepentingan Kepada Masyarakat

Kajian ini memberikan kepentingan kepada masyarakat dimana kajian ini dapat memperkenalkan pengangkutan LRT (Transit Aliran Ringan) dengan lebih meluas. Hal ini kerana, pengangkutan LRT merupakan pengangkutan yang belum diperluaskan ke semua negeri. Oleh itu, dengan kajian ini masyarakat dapat mengetahui tentang keperluan pengangkutan LRT.

1.6.2 Kepentingan Kepada Pengangkutan Bas Rapid Penang

Dengan adanya LRT (Transit Aliran Ringan), pengangkutan bas Rapid Penang akan memberi tumpuan yang lebih kepada penduduk di kawasan luar bandar. Hal ini kerana, penduduk luar bandar yang tidak mempunyai kenderaan sendiri kebanyakannya menghadapi masalah pengangkutan apabila mereka ingin keluar ke bandar untuk melakukan urusan peribadi. Pengangkutan bas biasanya jarang melalui kawasan luar bandar dan penduduk luar bandar juga terpaksa menunggu dengan lama apabila mereka ingin menggunakan perkhidmatan bas kerana rangkaian yang disediakan tidak menyeluruh.

1.6.3 Kepada Pengkaji Akan Datang

Kajian ini hanya menumpukan kepada beberapa faktor yang memainkan peranan terhadap persepsi masyarakat dalam pemilihan pengangkutan LRT (Transit Aliran Ringan) sebagai mod pengangkutan di Seberang Perai Tengah iaitu faktor pengetahuan, mampan dan sosioekonomi. Pengkaji akan datang mungkin juga dapat meluaskan skop kajian dan mengkaji faktor-faktor lain.

1.7 DEFINISI OPERASI

1.7.1 Persepsi

Menurut Robbins (2003) yang menggambarkan bahawa persepsi merupakan kesan yang diperoleh oleh individu melalui pancaindera kemudian di analisa, diinterpretasi dan kemudian dinilai, sehingga individu tersebut memperoleh makna. Menurut Purwodarminto (1990), persepsi adalah tanggapan langsung dari suatu pinjaman atau proses seseorang mengetahui beberapa perkara.

1.7.2 Masyarakat

Menurut Selo Soemardjan, pengertian masyarakat adalah orang-orang yang hidup bersama dan menghasilkan kebudayaan. Menurut M. J. Herkovits, pengertian masyarakat adalah kelompok individu yang diorganisasikan dan mengikuti suatu cara hidup tertentu.

1.7.3 Transit Aliran Ringan (LRT)

LRT (Transit Aliran Ringan) merupakan sebarang pengangkutan bergerak dalam bandar yang lazimnya memakai kelengkapan dan prasarana yang tidak melebihi tahap yang dipakai oleh sistem transit cepat, menggunakan kenderaan gerabak ringan untuk berkhidmat dalam sistem ini.

1.7.4 Pengangkutan Bas Rapid Penang

Menurut Wikipedia bas merupakan sebuah kenderaan jalan raya yang besar serta direka bentuk untuk membawa penumpang yang ramai sebagai tambahan kepada pemandu dan kadang-kadang konduktor bas. Perkataan bas berasal daripada perkataan latin *omnibus*,

yang bermaksud 'untuk semua'. Nama penuh bas ialah 'Kenderaan Omnibus' - bermaksud 'kenderaan untuk semua'.

1.7.5 Pengetahuan

Pengetahuan adalah maklumat yang diketahui atau dimiliki oleh seseorang. Pengetahuan tidak terbatas pada keterangan, hipotesis, konsep, teori, prinsip dan prosedur. Menurut Sumadi (1996), Menunjukkan bahawa pengetahuan adalah kemampuan seseorang untuk mengingat fakta, simbol, proses, dan teori. Menurut Notoadmojo (2002) pula, mendefinisikan bahawa pengetahuan adalah hasil daripada tingkah laku manusia yang berlaku selepas penderiaan dari objek tertentu. Menurut Keraf (2001), pengetahuan adalah seluruh pemikiran, idea, idea, konsep, dan pemahaman manusia.

1.7.6 Mampan

Menurut Kamus Dewan 2007 menyatakan mampan ialah mampu mengekalkan pencapaian atau prestasi yang baik. Perkataan ini sesuai digunakan terutamanya dalam bidang ekonomi dan pencapaian pembangunan mahupun organisasi. Pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan.

1.7.7 Sosioekonomi

Maksud sosioekonomi menurut Wikipedia adalah kajian hubungan di antara aktiviti ekonomi dan kehidupan sosial. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat mengatakan sosioekonomi berkaitan dengan melibatkan unsur-unsur atau faktor-faktor kemasyarakatan dan ekonomi.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.0 PENDAHULUAN

Zaman yang semakin moden tanpa pengangkutan akan menjadikan segala usaha perhubungan pengangkutan barangan dan orang awam akan terbantut. Industri dan perdagangan akan tergendala atau masih ketinggalan seandainya sistem pengangkutan masih di tahap yang rendah. Kemajuan sesebuah negara dapat digambarkan dengan kemajuan sistem pengangkutan yang maju. Walaupun dengan status sebuah negara yang maju dan setiap keluarga di Malaysia ini mempunyai kenderaan sendiri tetapi penggunaan kenderaan awam terutamanya di bandar-bandar besar dan pesat seperti di Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang dan Johor Bahru masih lagi kebanyakkan orang awam yang memilih untuk menggunakan pengangkutan awam ke tempat kerja. Berikutan itu juga, setiap tahun terdapat pelbagai reaksi dan aduan ketidakpuasan hati mereka terhadap pihak yang bertanggungjawab keatas pengurusan perkhidmatan pengangkutan awam ini.

Perkembangan aktiviti manusia yang kian meningkat dan bertambah kompleks melalui pelbagai fungsi dan aktiviti seharian secara tidak langsung meningkatkan keperluan dan juga permintaan terhadap pelbagai jenis kenderaan, dan secara tidak langsung juga menambah lagi bilangan kenderaan di atas jalanraya setiap tahun.

Sebelum meneruskan penulisan tesis ini, terlebih dahulu dihuraikan beberapa definisi dan pengertian istilah yang digunakan dalam kajian ini yang berjudul Persepsi Masyarakat Terhadap LRT Sebagai Mod Pengangkutan di Seberang Perai Tengah. Hal ini merupakan yang terpenting di dalam permasalahan pengangkutan awam untuk negara yang sedang membangun khususnya Malaysia kerana sistem pengangkutan awam masih belum sesuai dengan keinginan masyarakat oleh sebab-sebab tertentu. Oleh sebab itu, timbulnya minat pengkaji untuk mengkaji.

2.1 FAKTOR YANG MEMAINKAN PERANAN TERHADAP PERSEPSI MASYARAKAT DALAM PEMILIHAN PENGANGKUTAN LRT (TRANSIT ALIRAN RINGAN) SEBAGAI MOD PENGANGKUTAN DI SEBERANG PERAI TENGAH.

2.1.1 FAKTOR PENGETAHUAN

Pengetahuan adalah satu faktor yang penting kepada seluruh lapisan masyarakat bagi mengetahui sedikit sebanyak terhadap penggunaan serta perkembangan pengangkutan awam. Hal ini kerana, faktor tersebut dapat membantu meyakinkan para pengguna serta menarik minat mereka untuk menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam tersebut. Rangkaian pengangkutan awam di negara kita adalah seperti pengangkutan bas awam, teksi, sistem (LRT) Transit Aliran Ringan, monorel dan sebagainya.

Secara umumnya, pengangkutan awam ini juga dikaitkan dengan dengan aktiviti asas manusia. Sistem pengangkutan yang terjalin dibentuk oleh sistem jaringan jalan dan pengangkutan, dan seterusnya membentuk pergerakan yang berlaku dalam sesebuah kawasan. Bidang pengangkutan awam memainkan peranan penting dalam menyelaras segala program pembangunan sesebuah negara. Sektor pengangkutan awam bukan sahaja merupakan penawaran perkhidmatan yang produktif dan berpotensi, tetapi juga menawarkan kemudahan mod pengangkutan yang pelbagai jenis dan bentuk bersesuaian dengan kehendak kemajuan ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat.

Menurut Onny S. Prijono, pengetahuan yang diperoleh dari nilai membiasakan orang-orang ini mengembangkan rasa ingin tahu. Justeru, adalah sangat penting untuk mengetahui sedikit sebanyak maklumat berkenaan sistem transit aliran bandar yang mesra pengguna dan dapat menampung kadar kapasiti penumpang (ridership). Setiap jenis pengangkutan mempunyai kekuatan dan kekangan. Oleh yang demikian, pendekatan yang wajar adalah untuk mengukur kelemahan-kelemahan sistem pengangkutan awam yang sedia ada bagi memastikan setiap elemen baharu yang diperkenalkan memainkan peranan yang optimum. Keseimbangan antara penggunaan tanah dan pertumbuhan penduduk perlu dijaga. Pembinaan lebuh raya baharu bakal menghalang usaha pengurangan kenderaan persendirian. Bagaimanapun, perlu ada kompromi dalam pembinaan jalan raya dan rel untuk mencapai objektif yang dikehendaki.

Sistem pengangkutan LRT juga berjadual. Sistem pengangkutan LRT ini sudah tentu lebih cekap berbanding pengangkutan awam lain yang sering berlaku percanggahan jadual tetap. Oleh sebab itu, perkhidmatan LRT ini lebih efisien, cekap dan menjadi pilihan orang ramai di bandar-bandar besar. Tambahan pula, pengguna tidak perlu membazirkan masa menunggu LRT, tidak seperti pengangkutan bas yang tidak tentu masa ketibaannya. Pengangkutan LRT juga merupakan pengangkutan yang mesra alam.

Pengangkutan LRT ini digerakkan dengan tenaga elektrik. Oleh itu, dapat mengurangkan masalah alam sekitar iaitu pencemaran udara dan bunyi. Berbanding dengan pengangkutan awam lain seperti bas yang menyebabkan berlaku pencemaran udara kerana asap hitam iaitu karbon monoksida yang dibebaskan daripada ekzosnya.

Menurut Keraf (2001), pengetahuan adalah seluruh pemikiran, idea, gagasan, konsep, dan pemahaman manusia. Salah satu tujuan pembinaan pengangkutan LRT di bandar besar ialah untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas. Kesesakan lalu lintas di jalan raya dapat diatasi terutama pada waktu puncak iaitu pada jam 8 pagi dan 5 petang. Kebanyakan pekerja menggunakan perkhidmatan LRT untuk pergi dan pulang dari tempat kerja. Seterusnya, majoriti pengguna LRT merupakan golongan pekerja dan mungkin digunakan oleh golongan pelajar jika ia siap dibina. Secara tidak langsung perkhidmatan LRT ini telah meningkatkan mobiliti buruh serta pengguna-pengguna lain seperti pelajar dari seluruh pelusuk bandar besar untuk menggunakannya.

Akhir sekali, nilai tanah di bandar besar amatlah tinggi. Namun pembinaan landasan LRT di ruang atas (landasan atas) dapat menjimatkan penggunaan tanah di kawasan Seberang Perai Tengah. Manakala di Tokyo, Jepun, landasan LRTnya di bina di bawah tanah menggunakan terowong kerana negara Jepun ini kekurangan tanah pamah dan bentuk muka buminya juga bergunung-ganang dan berpulau. Ini dapat mendatangkan banyak manfaat kepada seluruh penduduk di dalam kawasan tersebut.

2.1.2 FAKTOR MAMPAN

Pada masa kini, perubahan dunia yang ketara terutama dalam era globalisasi yang meluas telah membuka minda semua manusia di muka bumi ini. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak kerajaan bagi mencapai pertubuhan ekonomi yang mampan. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat maksud mampan didefinasikan sebagai tidak berubah-ubah dan sudah kukuh.

Seperti yang diketahui, di kawasan Seberang Perai Tengah terdapat tiga Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) iaitu Universiti Teknologi Mara (UITM), Politeknik Seberang Perai (PSP) dan juga Kolej Komuniti yang rata-ratanya menggunakan pengangkutan sebagai pengangkutan utama mereka. Dalam bancian bagi penduduk yang dijalankan pada tahun (2000), juga menyatakan bahawa penduduk Seberang Perai tengah adalah seramai 736,306 orang. Oleh yang demikian, pembinaan LRT adalah bersesuaian di kawasan Seberang Perai yang merupakan kawasan perindustrian dan pendidikan.

Pembinaan LRT juga akan meningkatkan sektor pekerjaan kepada penduduk di kawasan Seberang Perai Tengah. Hal ini kerana, terdapat banyak syarikat-syarikat perindustrian yang beroperasi. Peluang pekerjaan dalam sektor perindustrian, perdagangan dan perniagaan telah mengalakkan penumpuan penduduk dari luar bandar ke kawasan pempandaran. Perkembangan industri pengeluaran produk iaitu syarikat-syarikat pengilangan dari industri perkhidmatan di bandar telah meningkatkan peluang pekerjaan. Penduduk dari luar bandar berhijrah ke bandar untuk mendapatkan peluang pekerjaan yang lebih baik dalam pelbagai sektor dan mereka menetap di kawasan bandar dan lama kelamaan kawasan mereka juga berkembang menjadi kawasan bandar seperti di Seberang

Perai Tengah. Ini merupakan satu sebab mengapa LRT perlu dibina di kawasan Seberang Perai Tengah.

2.1.3 FAKTOR SOSIOEKONOMI

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat sosioekonomi ialah berkaitan dengan faktor-faktor kemasyarakatan dan ekonomi. Dalam konteks ini masalah kesesakan yang tinggi akan dapat dikurangkan sekiranya pengguna pengangkutan awam akan menggunakan LRT yang akan dibina sesuai dengan sasaran negara untuk mencapai negara maju menjelang tahun 2020. Pengangkutan LRT juga mampu memberi perkhidmatan yang cekap dan memastikan sifar kegagalan sistem mahupun gangguan semasa pesinggahan tren antara satu ke satu stesen. Sesuai dengan dasar utama strategi kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu “menggerakkan orang bukan kenderaan”.

Hakikatnya, perlaksanaan pengangkutan LRT dapat mengurangkan kesesakan jalan raya. Setersunya, ekonomi dan produktiviti negara dapat dijana. Tambahan pula, dapat dilihat apabila Prasarana Malaysia Berhad (PMB) telah mencipta sejarah apabila berjaya mencapai sasaran sasaran sejuta pengguna sehari untuk perkhidmatan LRT di kawasan Lembah Klang. Kejayaan ini diumumkan oleh Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) iaitu Tan Sri Dr Said Hamid Albar di stesen Kuala Lumpur.

Selain itu pada zaman yang serba canggih ini, pengangkutan awam adalah mesra alam kerana menggunakan tenaga elektrik untuk beroperasi seperti LRT. Di samping itu, dapat mengurangkan penggunaan bahan api fosil. Proses pembakaran bahan api akan melepaskan bahan pencemar seperti karbon monoksida, nitrogen oksida, oksida sulfur serta bahan pencemar yang lain. Maka penggunaan sistem darat seperti LRT akan dapat